

Mangsa bah 4 negeri naik

» 4,242
penduduk
dipindahkan
ke 29 pusat
pemindahan

Oleh Hardi Effendi Yaacob,
Nurhayati Abillah,
Mohamed Farid Noh
dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bharian.com.my

■ Kuala Lumpur

Jumlah mangsa banjir di empat negeri - Selangor, Johor, Melaka dan Perak - dilaporkan terus meningkat semalam dengan 4,242 penduduk dipindahkan ke 29 pusat pemindahan.

Sehingga jam 8 malam tadi, Johor mencatatkan jumlah mangsa paling ramai iaitu 1,979 orang membabitkan 521 keluarga, dengan sebahagiannya besarnya ditempatkan di 16 pusat pemindahan di Batu Pahat, selain di Ledang, Muar.

Portal Banjir Majlis Keselamatan Negara (MKN) melaporkan sekurang-kurangnya 25 kawasan di Batu Pahat dan Muar masih ditenggelami banjir, malah sehingga malam tadi paras air tidak menunjukkan sebarang tanda surut di kawasan terbabit.

Kawasan terjejas termasuk Parit Sulong, Kampung Jawa, Parit Gantong, Parit Abdul Rahman, Parit Abdul Hadi, Parit Yusof Darat, Parit Pulai,



Penduduk Kampung Bukit Changgang, Dengkil **memunggah perabot dan pakaian ke dalam sampan** untuk diselamatkan selepas kampung mereka dinaiki air, semalam.

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

Parit Othman, Parit Betong, Parit Lapis Maimonan, Parit Muhammad, Kampung Linau Kecil, Kampung Penggaram, Parit Yaani, Kampung Sengkuang, Semarang dan Kampung Sialang.

Dijangka bertambah buruk

“Banjir di Johor dijangka bertambah buruk berikutan hujan lebat yang diramal berterusan hingga hujung minggu ini, terutama di sebelah petang. Selain Batu Pahat dan Muar, tumpuan turut diberikan kepada dua lagi daerah berisiko iaitu di Segamat dan Kluang,” katanya.

Di Selangor, Sungai Langat terus mencatat bacaan paras

bahaya melebihi empat meter berbanding dua meter (paras normal) di Stesen Pengukur Bukit Changgang, Dengkil menyebabkan tiga lagi kampung berhampiran ditenggelami banjir.

Seramai 831 mangsa membabitkan 257 keluarga dari Kampung Bukit Changgang, Rancangan Tanah Belia (RTB) Bukit Changgang dan Kampung Labohan Dagang terpaksa dipindahkan ke empat pusat penempatan sementara sebagai langkah berjaga-jaga.

Pemangku Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat, Muhammad Hafiz Shaari ketika ditemui, berkata pemindahan mangsa dilakukan secara berperingkat sejak Sabtu lalu ber-

ikutan peningkatan mendadak paras air Sungai Langat.

“Setakat ini, RTB Bukit Changgang adalah yang paling teruk terjejas kerana seluruh kawasan ini ditenggelami air kecuali SK RBT Bukit Changgang.

Jalan Dengkil-KLIA ditutup

“Jalan Dengkil-Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) turut ditutup kepada satu laluan kerana ditenggelami air,” katanya sambil memaklumkan keseluruhannya 1,947 mangsa masih ditempatkan di lapan pusat pemindahan di Kuala Langat dan Dengkil sejak Ahad lalu,” katanya.